

TOYOTA TSUSHO CORPORATION

Compliance & Crisis Management Dept.
Compliance Management Group

First Edition	July 1st , 2016
Second Edition	July 2nd , 2018
Third Edition	October 1st , 2025


 TOYOTA TSUSHO GROUP

 TOYOTA TSUSHO GROUP



Kod Tatakelakuan dan Etika Global

COCE
Global Code of Conduct and Ethics



Mesej daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami, Kumpulan Toyota Tsusho, menegakkan Falsafah Korporat "Hidup dan makmur bersama-sama manusia, masyarakat, dan planet ini, kami berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang menjana nilai dan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera."

Kumpulan Toyota Tsusho merupakan sebuah organisasi unik yang terdiri daripada 70,000 individu daripada pelbagai latar belakang, kewarganegaraan, umur, dan jantina, yang beroperasi di lebih daripada 130 negara di seluruh dunia. Di sebalik kepelbagaian kita, Falsafah Korporat ini menyatukan kami semua. Garis Panduan Tingkah Laku merupakan prinsip-prinsip tindakan yang ditetapkan untuk merealisasikan Falsafah Korporat ini, manakala Kod Tatakelakuan dan Etika Global (COCE) menyediakan rangka kerja yang lebih terperinci dan konkrit bagi garis panduan ini.

Bagi meneruskan perkembangan sebagai sebuah syarikat, adalah penting bagi kami untuk menjelmakan semangat 'Be the Right ONE'—mendapat kepercayaan dan dipilih secara konsisten oleh masyarakat serta pelanggan kami. Kepercayaan bukan sesuatu yang dapat diperoleh dalam sekelip mata. Ia dibina secara beransur-ansur melalui tindakan yang konsisten, ikhlas serta keputusan bernas yang dibuat oleh setiap daripada kita setiap hari. COCE berfungsi sebagai 'kompas' kami, membimbing kami untuk bertindak dengan integriti dan kekal berada di jalan yang betul.

Memandangkan perniagaan kami terus berkembang secara global dalam pelbagai bidang, kami mendapati diri kami beroperasi dalam dunia yang semakin kompleks di mana jarang terdapat satu jawapan 'yang betul' sahaja. Walaupun dalam masa sedemikian, kita tidak harus takut akan perubahan; sebaliknya, kita mesti menerimanya dan berani menghadapi cabaran baharu. Untuk berbuat demikian, ianya adalah lebih penting daripada sebelumnya agar kita terus berpegang teguh kepada nilai-nilai teras yang kukuh dan tetap.

Sebagai ahli-ahli Kumpulan Toyota Tsusho, saya mendesak setiap daripada anda untuk memahami COCE dengan mendalam dan menggunakannya sebagai asas bagi setiap tindakan dan keputusan harian anda. Sentiasa tanyakan kepada diri sendiri: 'Bolehkah saya dengan bangganya berkongsi kerja yang saya lakukan dan perniagaan yang saya ceburi dengan keluarga dan rakan-rakan saya?'

Kami adalah pasukan yang mencipta masa hadapan Kumpulan Toyota Tsusho.

Marilah kita terus melangkah ke hadapan, dengan COCE sebagai kompas kita, untuk mewariskan sebuah Bumi yang lebih baik kepada anak-anak masa depan.

Toshimitsu Imai

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Toyota Tsusho Corporation



Berkenaan dengan Buku Kecil Ini

Apabila membuat keputusan atau berdepan dengan ketidakpastian, buku kecil ini menyediakan penerangan yang mudah difahami mengenai Kod Tatakelakuan dan Etika Global, yang berfungsi sebagai nilai dan piawaian pertimbangan bagi semua ahli-ahli Kumpulan Toyota Tsusho. Sila simpan buku kecil ini dengan baik supaya anda boleh merujuk kepadanya pada bila-bila masa.



Apakah Kod Tatakelakuan dan Etika Global?	04
MVV dan COCE	06
10 Pegangan COCE	08
Carta Pengesahan COCE	16
Pelaporan Pelanggaran COCE	18

Apakah itu Kod Tatakelakuan dan Etika

Global (COCE)?



Kod Tatakelakuan dan Etika Global (COCE) merupakan suatu set piawaian dan prinsip etika yang boleh diguna pakai di peringkat global yang jelas dan khusus merangkumi Garis Panduan Tingkah Laku yang menyokong Falsafah Korporat Kumpulan Toyota Tsusho. Setiap ahli Kumpulan Toyota Tsusho mesti menghargai COCE sebagai piawaian nilai dan keputusan mereka apabila menjalankan kerja harian mereka, berusaha ke arah Falsafah Korporat kami.

Falsafah Asas Kumpulan Toyota Tsusho

Falsafah Korporat

Berkehidupan dan berkembang maju dengan rakyat, masyarakat dan bumi, kami mempunyai matlamat untuk menjadi syarikat yang menjana nilai yang juga menyumbang kepada penciptaan masyarakat yang makmur.

Garis Panduan Tingkah Laku

Sebagai seorang warga korporat yang baik,

- Kami akan berusaha untuk mengadakan aktiviti korporat yang terbuka dan adil;
- Kami akan bertanggungjawab dari segi sosial dan berusaha untuk memelihara persekitaran;
- Kami akan menjadi kreatif dan berusaha untuk memberikan nilai tambah; dan
- Kami akan menghormati orang lain dan berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang memuaskan.

COCE terdiri daripada prinsip-prinsip berikut

● Keselamatan dan pematuhan merupakan gerbang kepada semua kerja



● Mendedahkan maklumat kewangan yang tepat sebagai syarikat tersenarai



● Patuhi bukan sahaja kepada undang-undang, tetapi juga peraturan dalaman serta etika korporat



● Demi pembangunan mampan masyarakat, menyediakan nilai tambahan melalui kreativiti dan penambahbaikan sambil mempertimbangkan alam sekitar.



● Hormati hak asasi manusia dan menerima kepelbagaian.



MVV dan COCE



COCE berfungsi sebagai kompas dalam merealisasikan Misi, Visi dan Nilai-nilai kita.



* Gembality: Combination of "Gemba" [Gemba = "Genchi" (on-site) + "Genbutsu" (hands-on)] + "reality"



Kod Tatakelakuan dan Etika Global



Kod Tatakelakuan dan Etika Global

10 pegangan

- 1 Kami komited kepada “ANZEN” (keselamatan) untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.
- 2 Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan termasuk pencegahan rasuah, undang-undang anti monopoli dan persaingan, dan undang-undang dan peraturan perdagangan.
- 3 Kami komited terhadap laporan kewangan yang tepat.
- 4 Kami bertanggungjawab untuk mematuhi semua peraturan syarikat.
- 5 Kami akan bertindak dengan kewibawaan, kejujuran dan keterbukaan, dan menjaga dan membina kepercayaan di kalangan semua pihak berkepentingan.
- 6 Kami akan menyumbang kepada pembangunan lestari masyarakat.
- 7 Kami akan menggalakkan dan menjalankan aktiviti korporat yang mesra alam sekitar.
- 8 Kami akan meningkatkan nilai dengan pembaharuan dan “Kaizen” (pembaikan berterusan).
- 9 Kami akan menghormati hak asasi manusia.
- 10 Kami akan mendapak kepelbagaian dan perangkuman di dalam syarikat dan masyarakat kita.

1

Kami komited kepada “ANZEN” untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.



Keselamatan dan kesihatan semua anggota adalah asas aktiviti korporat kami.



Oleh itu,

- Kami mesti mengambil tindakan yang berpatutan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan masing-masing dan sesiapa pun yang terjejas dengan aktiviti korporat kami.
- Kami mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian dalaman berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan.
- Kami akan menyertai latihan dan inisiatif untuk keselamatan dan kesihatan.
- Kami akan menggunakan dan membangunkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan.



Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan termasuk pencegahan rasuah, undang-undang anti monopoli dan persaingan, dan undang-undang dan peraturan perdagangan.



Pematuhan adalah kemestian di dalam semua aktiviti korporat kami. Satu sahaja perbuatan ketidakpatuhan akan memudaratkan dan memusnahkan reputasi dan nilai korporat kami dengan teruk.

Oleh itu,

- Kami mesti membiasakan diri dengan semua undang-undang dan peraturan (termasuk peraturan antarabangsa) yang berkaitan dan mematuhi sepanjang masa.
- Kami mesti mendapatkan nasihat dari Jabatan Undang-undang atau peguam bertauliah berkenaan hal yang kami tidak pasti.
- Kami mesti melaporkan mana-mana perbuatan ketidakpatuhan melalui saluran yang berkenaan.

Pelanggaran mana-mana undang-undang pencegah rasuah, anti monopoli dan persaingan atau undang-undang dan peraturan perdagangan akan mengakibatkan hukuman yang keras, dan juga dakwaan jenayah dan kerosakan reputasi yang tidak boleh diperbaiki kepada kedua-dua individu dan syarikat.

Oleh itu,

- Kami mesti mendidik diri sendiri sepenuhnya tentang semua undang-undang pencegah rasuah, anti monopoli dan persaingan, dan undang-undang dan peraturan perdagangan, dan mematuhi dengan ketat sepanjang masa.
- Kami tidak boleh menawarkan, memberi atau menerima hadiah, hidangan atau hiburan untuk sebarang tujuan yang tidak sah atau tidak beretika.
- Kami mesti bersaing dengan adil di pasaran dan mengelakkan apa-apa aktiviti yang akan menyebabkan pelanggaran undang-undang dan peraturan anti monopoli/persaingan.
- Kami mesti berwaspada apabila berjumpa dengan pesaing dan terutama sekali, mengelakkan apa-apa perbincangan sekalipun tentang maklumat sensitif termasuk bahagian pasaran, pemasaran dan strategi penentuan harga.
- Kami mesti menyedari bahawa barangan atau destinasi atau pihak tertentu mungkin akan dikenakan sekatan atau larangan, dan kami akan lebih berhati-hati untuk memastikan bahawa kesemua urusan niaga antarabangsa dilaksanakan menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Kami komited terhadap laporan kewangan yang tepat.



Sebagai anggota syarikat tersenarai awam, ketepatan maklumat kewangan kami adalah penting untuk kami dan pemegang saham kami.

Oleh itu,

- Kami mesti berhati-hati semasa mengesahkan pengiraan yang kami berikan atau serahkan.
- Kami mesti mengikut dasar-dasar perakaunan.
- Kami mesti memberikan maklumat kewangan kena pada waktunya, dengan cara yang tepat dan tidak mengelirukan.
- Kami mesti menyimpan semua rekod yang boleh dipercayai, tepat dan dapat ditentukan.



Kami bertanggungjawab untuk mematuhi semua peraturan syarikat.



- Kami mesti memahami dan mematuhi semua peraturan syarikat.
- Kami mesti memberi penjelasan untuk semua pelanggaran peraturan syarikat, dan memahami bahawa pelanggaran seperti ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib.

5

Kami akan bertindak dengan kewibawaan, kejujuran dan keterbukaan, dan menjaga dan membina kepercayaan di kalangan semua pihak berkepentingan.



Sebagai seorang warga korporat yang baik, kami berpegang terhadap kejujuran, kewibawaan, dan keterbukaan, bukan sahaja menurut undang-undang dan peraturan. Dengan komitmen ini, kami percaya bahawa kepercayaan akan dipelihara di kalangan semua pemegang saham dan akan menjadi asas aktiviti korporat kami.

Oleh itu,

- Kami tidak akan hanya mengejar keuntungan. Kami akan mengambil kira kepentingan pelbagai pemegang saham dan berusaha untuk mendapatkan kepercayaan mereka.
- Kami hanya akan menjalankan aktiviti-aktiviti korporat yang dapat menampung penelitian etika tempatan dan antarabangsa.
- Kami mesti menghormati dan melindungi rahsia maklumat, data peribadi, hak milik intelektual dan rahsia perdagangan kami dan pihak lain.
- Kami tidak seharusnya berurusan dengan pihak yang terlibat atau berkaitan dengan jenayah organisasi atau kegiatan yang menyalahi undang-undang.
- Kami tidak seharusnya membuat kenyataan palsu atau mengelirukan dan tidak akan berkelakuan atau bercakap dengan cara yang menghina atau merendahkan. Jika kesilapan berlaku, kami perlu membetulkannya dengan segera.
- Kami mesti memberitahu tentang apa-apa percanggahan kepentingan kepada syarikat dan tidak seharusnya mengutamakan kepentingan peribadi daripada kepentingan syarikat.
- Kami tidak seharusnya menggunakan harta syarikat untuk tujuan lain selain daripada yang berkaitan dengan syarikat.
- Kami tidak akan melibatkan diri di dalam perdagangan orang dalaman.

6

Kami akan menyumbang kepada pembangunan lestari masyarakat.



Kami percaya dengan mendalam bahawa kunci kepada kejayaan lestari kami adalah berpadu dan membina dengan rakyat, masyarakat dan bumi.

Oleh itu,

- Bekerja dengan perniagaan tempatan, komuniti dan autoriti kerajaan di seluruh dunia, kami akan memastikan kesedaran tentang keperluan tempatan dan antarabangsa, dan menyumbang kepada pembinaan asas lestari untuk pembangunan industri dan ekonomi.
- Kami akan menggalakkan aktiviti sumbangan sosial di seluruh dunia, terutama sekali di dalam pendidikan, kebajikan masyarakat dan persekitaran.

7

Kami akan menggalakkan dan menjalankan aktiviti korporat yang mesra alam sekitar.



Mengharmonikan aktiviti korporat kami dengan persekitaran adalah sudah berakar umbi di dalam falsafah asas kami.

Oleh itu,

- Kami mesti mematuhi undang-undang dan peraturan persekitaran tempatan dan antarabangsa dengan tegas.
- Kami akan membina teknologi, perkhidmatan, barangan dan model perniagaan yang mesra alam.
- Kami akan mengurangkan pembuangan, menggunakan semula barangan dan mengitar semula sumber di dalam kegiatan korporat kami.
- Kami akan mempertimbangkan dengan sewajarnya kesan alam sekitar di dalam kegiatan korporat kami.
- Kami akan mengawasi dan menilai dengan teliti kesan kegiatan korporat kami terhadap alam sekitar menerusi sistem pengurusan alam sekitar kami.

Kami akan meninggikan nilai dengan pembaharuan dan “Kaizen” (pembaikan berterusan).



Untuk pertumbuhan lestari dan menyumbang kepada masyarakat yang sentiasa berubah, ia adalah penting untuk kami berdedikasi terhadap penghasilan idea baru dan nilai untuk masyarakat, dan terus memperbaiki aktiviti korporat kami.

Oleh itu,

- Kami akan saling berhubung dan berkongsi idea, teknologi dan kemahiran yang berbeza, menerusi rangkaian antarabangsa dan rangkaian nilai.
- Kami akan terus memperbaiki model dan proses perniagaan kami menerusi aktiviti “PDCA” dan “Kaizen”.
- Kami akan mengembangkan pembaharuan dan “Kaizen” dengan penuh semangat di seluruh rangkaian nilai kami dan di bidang perniagaan yang baru.

Kami akan menghormati hak asasi manusia.



Menghormati orang lain sudah pun berakar berumbi di dalam falsafah asas kami. Kami tidak menerima apa sahaja penganiayaan terhadap hak asasi manusia.

Terutamanya:

- Kami tidak seharusnya melakukan atau melibatkan diri di dalam perniagaan yang bertentangan dengan maruah manusia.
- Kami tidak seharusnya mendiskriminasi berdasarkan kaum, warna, jantina, agama atau kewarganegaraan.
- Kami tidak seharusnya melibatkan diri dengan buruh kanak-kanak, pemerdagangan manusia atau sebarang bentuk buruh paksa atau secara tidak sukarela.
- Kami tidak seharusnya bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan.
- Kami tidak seharusnya berurusan dengan pihak yang melakukan atau terlibat dengan mana-mana penganiayaan terhadap hak asasi manusia.

Kami akan mendapak kepelbagaian dan perangkuman di dalam syarikat dan masyarakat kita.



Kami percaya bahawa kepelbagaian dan perangkuman adalah sumber pembaharuan dan pertumbuhan. Kepelbagaian kami membolehkan kami meluaskan pandangan yang berbeza untuk bertindak terhadap dinamik persekitaran perniagaan yang meningkat dan kehendak pelanggan di seluruh dunia.

Oleh itu,

- Kami akan menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja di mana individu dari kaum, kewarganegaraan, jantina dan umur yang berbeza bekerja bersama-sama dengan aktif.
- Kami akan menggalakkan peluang yang sama kepada semua anggota tidak mengira kaum, kewarganegaraan atau jantina.
- Kami akan menggalakkan komunikasi terbuka di seluruh dan di antara semua peringkat ahli dan organisasi kami.
- Kami akan mempertingkatkan kepakaran “post-merger integration” untuk meraih kelebihan daya saing.





Carta Pengesahan COCE



Adakah ianya selaras dengan COCE?

Mula



Laporkan dengan segera sebarang pelanggaran COCE!

Demi membina budaya yang lebih baik berdasarkan COCE, adalah penting untuk melaporkan dengan segera sebarang potensi pelanggaran COCE yang anda sedari.



- Semua pekerja dan eksekutif mesti segera melaporkan sebarang kebimbangan mengenai pelanggaran COCE melalui saluran yang sesuai*.
- Semua pekerja dan eksekutif mesti memberi kerjasama sepenuhnya kepada siasatan syarikat berkenaan pelanggaran COCE.
- Kumpulan TTC dengan tegas melarang sebarang tindakan balas dendam atau layanan tidak adil terhadap mereka yang, dengan niat baik, melaporkan pelanggaran COCE atau memberi kerjasama dengan penyiasatan.

***Saluran yang sesuai:**

- ① Saluran pelaporan organisasi (penyelia dan lain-lain)
- ② Bahagian Korporat yang sesuai

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk melaporkan melalui saluran yang sesuai, sila laporkan kepada talian pemberi maklumat dalaman syarikat anda.

\\ SPEAK UP //

Kumpulan Toyota Tsusho telah menubuhkan talian pemberi maklumat dalaman global yang dinamakan "SPEAK UP". Sila gunakan talian ini sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat laporan melalui saluran yang sesuai atau ke talian pemberi maklumat dalaman syarikat anda.



Untuk butiran, sila rujuk kepada "Toyota Tsusho Group Whistleblowing System" di G-TWINS.

https://ttc-g-twins.toyotsu.co.jp/compliance_kikikanri/page_000008.html

